

MENGARTIKULASIKAN CINTA, ADAB DAN KETAUHUDAN: ANALISIS LIRIK LAGU DALAM ALBUM TRADISIONAL MELAYU SITI NURHALIZA *GEMA BUMANTARA* (2025)

(Articulating Love, Adab and Divine Consciousness: A Lyric Analysis of Siti Nurhaliza's Traditional Malay Album Gema Bumantara (2025))

Mohamed Nazreen Shahul Hamid
nazreen@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2026). Mengartikulasikan Cinta, Adab dan Ketauhidan: Analisis Lirik Lagu dalam Album Tradisional Melayu Siti Nurhaliza *Gema Bumantara* (2025). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 331–356. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no6)

Peroleh:	1/12/2025	Semakan:	19/7/2026	Terima:	29/7/2026	Terbit dalam talian:	31/7/2026
Received:		Revised		Accepted:		Published online	

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Kajian ini menganalisis album *Gema Bumantara* (2025) oleh Siti Nurhaliza sebagai sebuah album tradisional Melayu yang berfungsi bukan sahaja sebagai produk seni hiburan, tetapi juga sebagai teks budaya yang memartabatkan nilai adab, budi, spiritualiti dan pandangan alam masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik, stilistik dan pendekatan hermeneutik budaya Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa album ini membina wacana cinta yang beradat dan direstui, seperti yang tergambar dalam lagu “Kumbang Bunga”, “Jenjang Cinta” dan “Kaca dan Permata”. Emosi rindu pula digarap secara matang dan berlapis dalam lagu “Hati Yang Rindu” dan “Syurgaloka”. Album ini turut mengangkat fungsi seni sebagai alat teguran sosial melalui lagu “Rencong” dan “Hujung Bumi”, yang mengetengahkan isu jati diri dan etika bahasa. Sementara itu, lagu “Pesanan Buat Diri” dan “Kesuma” menampilkan dimensi muhasabah diri dan ketundukan terhadap takdir. Keseluruhan wacana ini dirumuskan melalui “Cenderamaya”,

yang mengangkat kesedaran ketauhidan sebagai inti pengalaman rohani. Kajian ini membuktikan bahawa album *Gema Bumantara* memperlihatkan kesinambungan warisan seni Melayu dalam konteks kontemporari melalui pemaknaan semula estetik, beradab dan berteraskan nilai ketuhanan.

Kata kunci: Album tradisional Melayu, analisis lirik, hermeneutik budaya, seni dan adab, seni dan ketauhidan, Siti Nurhaliza.

Abstract

This research analyses Siti Nurhaliza's Gema Bumantara (2025) as a traditional Malay album that functions not merely as an artistic and entertainment product but also as a cultural text that embodies the values of adab, budi, spirituality and the worldview of Malay society. The study employs a qualitative approach through thematic, stylistic and Malay cultural hermeneutic analysis. The findings demonstrate that the album constructs a discourse of love that is governed by adat and receives communal approval, as reflected in the songs 'Kumbang Bunga', 'Jenjang Cinta' and 'Kaca dan Permata'. Meanwhile, 'Hati Yang Rindu' and 'Syurgaloka' frame longing as a mature and restrained emotional experience. The album also highlights the function of art as a means of social admonition through 'Rencong' and 'Hujung Bumi', addressing issues of identity and ethical language use. Furthermore, 'Pesanan Buat Diri' and 'Kesuma' foreground introspection, resilience and submission to destiny. The album culminates with 'Cenderamaya', which centres on divine consciousness as the essence of spiritual experience. Overall, the study shows that Gema Bumantara revitalises the Malay artistic heritage in a contemporary context through the reinterpretation of aesthetics, adab and values grounded in the divine.

Keywords: Traditional Malay album, lyric analysis, cultural hermeneutics, art and adab, love and ketauhidan, Siti Nurhaliza.

PENDAHULUAN

Secara asasnya, dalam tradisi Melayu seni muzik tidak pernah berdiri sebagai hiburan semata-mata, tetapi berfungsi sebagai teks budaya dan wahana ilmu budi. Menerusi lagu, masyarakat Melayu menzahirkan falsafah hidup, adab pergaulan dan kesedaran spiritual yang berakar pada pandangan alam tauhid. Setiap bait lirik menjadi wahana makna yang berlapis, mendidik dan menegur, sesuai dengan sifat budaya Melayu yang menjadikan keindahan bahasa sebagai medium nasihat dan keinsafan (Harryizman Harun & Noor Aziah Abdullah, 2023).

Peranan ini menjadikan muzik tradisional sebagai sebahagian daripada sastera lisan moden yang menggabungkan unsur estetika, etika dan pemikiran. Seperti yang dinyatakan oleh Juliana Ahmad dan Noriha Basir (2017), kesantunan dan kiasan

dalam ekspresi lisan Melayu bukan sekadar strategi linguistik, tetapi sistem nilai yang membentuk cara masyarakat berfikir dan pastinya menzahirkan emosi. Maka, lagu tradisional wajar difahami bukan hanya sebagai karya seni, tetapi teks moral dan spiritual yang menggambarkan hubungan harmoni antara manusia, alam dan Tuhan.

Namun begitu, dalam arus muzik kontemporari yang sarat dengan pengaruh pop global, muzik tradisional Melayu sering dipinggirkan atau dianggap hanya sebagai nostalgia warisan. Meskipun begitu, beberapa pengkarya moden membuktikan bahawa warisan ini masih mampu hidup dalam bentuk baharu yang kreatif tanpa meninggalkan akar nilai budayanya. Khairunnisa Diyana Md Noor dan Marzelan Salleh (2025) menunjukkan bahawa penggabungan unsur muzik tradisional dengan teknik moden berupaya membolehkan karya Melayu tampil segar, sambil mengekalkan bahasa dan jiwa budaya yang halus.

Dalam konteks ini, Siti Nurhaliza tampil sebagai figura penting yang menggabungkan tradisi dan inovasi. Menerusi karya berirama tradisionalnya, beliau bukan sahaja bertindak mengangkat semula bentuk muzik warisan, tetapi turut memperhalus maknanya sebagai ruang pertemuan antara estetika, adab dan ketuhanan. Mutakhir album *Gema Bumantara* (2025) memperlihatkan kesedaran kreatif ini dengan mengartikulasikan tema cinta, rindu, teguran sosial, muhasabah diri dan ketauhidan dalam satu kesatuan makna yang berpaksikan roh Melayu-Islam.



Rajah 1 Kulit album *Gema Bumantara* (2025). (Sumber: Apple Music).

Sebagai sebuah album tradisional kontemporari, *Gema Bumantara* menampilkan sepuluh buah lagu baharu yang mengekalkan keindahan bahasa dan struktur wacana tradisional, sambil memperkenalkan tafsiran moden terhadap nilai budaya dan spiritual Melayu. Lagu, seperti “Kumbang Bunga”, “Rencong”, “Pesanan Buat Diri” dan “Cenderamaya” membuktikan bahawa tradisi bukan sekadar sesuatu yang diwarisi, tetapi juga dihidupkan kembali melalui tafsir semula yang bermakna.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis lirik lagu dalam *Gema Bumantara* sebagai teks budaya dan rohani, dengan meneliti cara bahasa puitis, simbolisme alam dan struktur wacana digunakan untuk menyampaikan makna cinta, adab dan ketauhidan. Melalui analisis hermeneutik budaya Melayu, kajian ini dilakukan untuk menyingkap cara album ini berfungsi bukan sahaja sebagai karya seni, tetapi juga sebagai manifestasi kesedaran budaya dan spiritual masyarakat Melayu kontemporari.

KAJIAN LEPAS

Muzik Tradisional Melayu dan Fungsi Budaya

Kajian etnomuzikologi menunjukkan bahawa muzik Melayu berkembang sebagai hasil pertembungan pelbagai budaya akibat kolonialisme, perdagangan dan migrasi. Md Jais Ismail dan Fung Chiat Loo (2023) menjelaskan bahawa muzik tradisional Malaysia berkembang melalui proses sinkretisme yang mempertemukan unsur Melayu, Arab, India, Cina dan Barat, lalu membentuk estetika tersendiri yang mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia.

Hidayatullah dan Darmastuti (2024) menegaskan bahawa persepsi masyarakat terhadap muzik Melayu berbeza mengikut subetnik dan sekitaran sosial. Walaupun struktur asasnya serupa di seluruh Nusantara, interpretasi tempatan membentuk ciri dan nilai unik dalam setiap komuniti Melayu di Malaysia.

Kajian sejarah oleh Lukitaningish et al. (2024) mengenai muzik Deli-Melayu menunjukkan bahawa lirik lagu tradisional sering mengandungi puisi kehidupan seharian, mesej moral dan ajaran Islam yang membentuk pemikiran masyarakat. Pengkarya Melayu berperanan penting dalam mengekalkan kesinambungan warisan muzik melalui penciptaan dan penyusunan semula karya tradisional.

Nilai dan Pendidikan Moral dalam Lirik Lagu Tradisional

Lubis et al. (2025) meneliti lagu tradisional Melayu, seperti “Timang Cenggok” dan “Iyolah Molek”, mendapati bahawa lirik lagu Melayu tradisional berfungsi sebagai medium pendidikan moral. Nilai penting, seperti keagamaan, tanggungjawab, disiplin dan kesederhanaan disampaikan secara halus melalui bahasa berirama dan simbolisme alam.

Kajian ini menegaskan bahawa lagu tradisional bukan sekadar hiburan, tetapi berperanan sebagai wahana pembentukan akhlak dan panduan sosial, sejajar dengan konsep budi bahasa dan adab Melayu dalam pendidikan tradisional. Pendekatan ini menjadikan muzik sebagai instrumen moral, sama seperti fungsi pantun dan gurindam dalam kesusasteraan klasik.

Adaptasi dan Sinkretisme dalam Muzik Melayu Moden

Transformasi muzik Melayu turut melibatkan penggabungan unsur tradisional dengan gaya muzik moden. Boyle et al. (2022) menerangkan bahawa komposisi muzik popular Melayu sejak abad ke-20 banyak menggunakan elemen muzik tradisional, seperti asli, zapin, joget dan juga keroncong, namun disesuaikan dengan harmoni *jazz* dan struktur pop Barat. Fenomena ini menunjukkan cara muzik Melayu moden mengekalkan identiti sambil menyesuaikan diri dengan cita rasa semasa.

Kajian oleh Khairunnisa Diyana Md. Noor dan Marzelan Salleh (2025) terhadap lagu “Korban Tanah Air” menunjukkan bahawa penggabungan puisi Melayu dan muzik klasik menghasilkan bentuk “*art song*” Melayu yang memelihara keindahan bahasa dan nilai patriotik, serta spiritual. Hal ini membuktikan bahawa tradisi lirik Melayu masih hidup dan berkembang dalam konteks muzik seni moden.

Muzik, Identiti dan Ketuhanan dalam Budaya Melayu

Kajian budaya mutakhir turut menyorot hubungan antara muzik, spiritual dan pembentukan identiti Melayu. Fiddian Khairudin dan Sudirman Anwar (2025) menjelaskan bahawa ekspresi muzik, seperti zapin dan hikayat lisan berperanan penting bagi mengekalkan identiti Islam-Melayu yang inklusif. Pengkaji ini berhujah bahawa seni muzik Melayu berfungsi bukan sekadar hiburan, tetapi juga sebagai ruang spiritual dan simbol ketauhidan dalam budaya Melayu-Islam.

Penemuan ini penting kerana menunjukkan bahawa nilai, seperti budi, adab dan tauhid menjadi teras ekspresi seni Melayu, termasuklah muzik kontemporari, seperti karya Siti Nurhaliza yang sering memadukan tema cinta, spiritualiti dan kesyukuran.

Tinjauan ini memperlihatkan bahawa muzik Melayu tradisional merupakan suatu bentuk ekspresi budaya yang dinamik dan mampu beradaptasi dengan perubahan zaman tanpa kehilangan akar nilai dan spiritualnya. Kajian terdahulu menegaskan bahawa lirik lagu tradisional berfungsi sebagai teks moral dan budaya, sementara bentuk muziknya terus berkembang melalui proses sinkretisme dan inovasi.

Secara keseluruhan, kajian lepas memperlihatkan bahawa muzik tradisional Melayu merupakan wadah yang menggabungkan fungsi estetik, pendidikan moral dan pembentukan identiti budaya bangsa. Dari perspektif etnomuzikologi, lirik lagu tradisional mencerminkan proses perkembangan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu, manakala kajian yang berkaitan dengan nilai moral menegaskan peranannya

sebagai medium penyampaian adab, akhlak dan panduan hidup. Selain itu, penyelidikan mengenai adaptasi dan sinkretisme muzik Melayu menunjukkan bahawa warisan muzik tradisional masih relevan dalam konteks kontemporari melalui proses pembaharuan yang mengekalkan nilai budaya asal. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih memberikan penekanan terhadap aspek sejarah perkembangan muzik, pendidikan moral atau transformasi bentuk muzik secara berasingan. Penelitian yang mengintegrasikan analisis terhadap tema, unsur bahasa dan pemaknaan budaya dalam sebuah album tradisional kontemporari masih terhad.

Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menganalisis keseluruhan lirik lagu bagi album *Gema Bumantara* (2025) melalui pendekatan analisis tematik, analisis stilistik dan hermeneutik budaya Melayu bagi memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap artikulasi cinta, adab dan ketauhidan dalam karya tersebut.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks bagi meneliti lirik lagu dalam album *Gema Bumantara*. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk memahami makna, nilai dan pemikiran budaya yang terkandung dalam teks, bukan untuk mengukur data secara kuantitatif. Menurut Creswell (2013), pendekatan kualitatif sesuai digunakan untuk meneliti fenomena budaya dan sosial yang memerlukan tafsiran mendalam terhadap makna yang dibentuk melalui bahasa.

Analisis teks dalam kajian ini menganggap lirik lagu sebagai teks sastera dan budaya dapat dianalisis dari segi tema, bahasa dan simbolisme. Pendekatan ini membolehkan lirik lagu diteliti sebagai wacana yang memancarkan pandangan alam, nilai moral dan ideologi masyarakat Melayu, sejajar dengan pandangan bahawa teks seni merupakan pemikiran dan pengalaman kolektif sesuatu budaya (Fairclough, 1995).

Korpus Kajian

Korpus kajian merangkumi sepuluh lirik lagu dalam album *Gema Bumantara* nyanyian Siti Nurhaliza seperti yang diteliti dalam Jadual 1. *Gema Bumantara* merupakan album studio ke-22 Siti Nurhaliza dan album tradisional pertamanya dalam 17 tahun sejak *Lentera Timur* pada 2008 (Mya Amri, 2025). *Gema Bumantara* dilancarkan secara digital pada 28 Oktober 2025 dan menampilkan 10 lagu baharu berirama tradisional yang menonjolkan unsur muzik Melayu dan estetika budaya warisan.

Album *Gema Bumantara* menggambarkan kesinambungan perjalanan seni Siti Nurhaliza bagi memperkasakan warisan muzik tradisional Melayu, serta menjadi manifestasi cinta dan tanggungjawab Biduanita Negara terhadap irama warisan bangsa agar terus dihargai generasi baharu.

Jadual 1 Judul dan penulis lirik bagi 10 buah lagu dalam *Gema Bumantara*. (Sumber: Apple Music).

Bil.	Judul Lagu	Penulis Lirik Lagu
1.	Kumbang Bunga	Firdaus Rahmat dan Iqie Hugh
2.	Hati yang Rindu	Ucop Koprata
3.	Rencong	Fedtri Yahya dan Hafiz Hamidun
4.	Pesanan Buat Diri	Habsah Hassan
5.	Kaca dan Permata	Omar K, Shazriq Azeman dan Yue Wai Ming
6.	Syurgaloka	Aiman Sidek dan Wan Saleh
7.	Hujung Bumi	Affan Mazlan dan Danish Norr
8.	Kesuma	Aisha Retno dan Radi
9.	Jenjang Cinta	Melly Goeslaw dan Siti Nurhaliza
10.	Cenderamaya	Amni Musfirah, Irena Taib dan Jamilah Abu Bakar

Pemilihan keseluruhan lagu sebagai korpus kajian membolehkan album ini dianalisis sebagai satu kesatuan wacana, bukan sebagai teks yang terpisah-pisah. Pendekatan ini selari dengan pandangan bahawa sesebuah album muzik, khususnya album berkonsep tradisional, wajar diteliti sebagai satu naratif budaya yang saling berkait dari segi tema dan makna (Storey, 2018).

Kerangka Analisis

Kerangka analisis kajian ini dibangunkan dengan mengintegrasikan tiga pendekatan yang saling melengkapi, iaitu analisis tematik, analisis stilistik dan hermeneutik budaya Melayu. Ketiga-tiga pendekatan ini digunakan secara bersepadu bagi membolehkan lirik lagu diteliti dari aspek tema, bentuk bahasa dan pemaknaan budaya. Dalam kajian ini, analisis tematik berfungsi untuk mengenal pasti pola makna yang dominan dalam keseluruhan album, analisis stilistik menjelaskan cara tema tersebut dibentuk melalui penggunaan bahasa dan unsur estetik, manakala hermeneutik budaya Melayu menjadi kerangka pentafsiran bagi menghubungkan dapatan analisis dengan nilai budaya, adab dan pandangan alam Melayu-Islam. Pendekatan yang bersepadu ini membolehkan setiap tafsiran dibuat secara sistematik, bermula daripada pengenalpastian tema, diikuti penelitian terhadap pembentukan makna melalui

bahasa, sebelum ditafsir dalam konteks budaya dan spiritual masyarakat Melayu. Hubungan antara ketiga-tiga pendekatan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Kerangka analisis lirik album *Gema Bumantara*.

Data Kajian	Analisis Tematik	Analisis Stilistik	Hermeneutik Budaya Melayu	Hasil Tafsiran
Lirik lagu dalam album <i>Gema Bumantara</i>	Mengenal pasti tema utama yang berulang	Meneliti metafora, simbol, imejan, diksi, gaya bahasa dan struktur puitis yang membentuk tema	Mentafsir tema dan unsur bahasa berdasarkan adab, akal budi, pandangan alam Melayu-Islam serta hubungan manusia, alam dan Tuhan	Pemaknaan budaya dan spiritual album <i>Gema Bumantara</i>

Nota: Diubah suai oleh pengarang (2026).

Dengan berdasarkan Jadual 2, kerangka analisis kajian ini dilakukan secara bersepadu dengan menggabungkan analisis tematik, analisis stilistik dan hermeneutik budaya Melayu. Ketiga-tiga pendekatan ini saling melengkapi dalam proses menganalisis lirik lagu, iaitu bermula dengan mengenal pasti tema utama yang muncul bagi keseluruhan album, diikuti penelitian terhadap unsur bahasa yang membentuk tema tersebut, sebelum ditafsir dalam konteks budaya dan pandangan alam Melayu-Islam. Huraian bagi setiap pendekatan analisis adalah seperti yang berikut:

Pertama, analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti pola makna dan nilai yang berulang dalam lirik lagu, seperti tema cinta, beradab, muhasabah diri dan ketauhidan. Kaedah ini sejajar dengan pendekatan tematik yang digunakan dalam kajian terhadap teks budaya Melayu oleh Mustafa Din et al. (2021) yang meneliti naskah perubatan Melayu melalui analisis tema untuk memahami wacana budaya dan pengetahuan tradisional.

Kedua, analisis stilistik dan bahasa dilakukan bagi meneliti struktur bahasa, gaya puitis, metafora dan simbolisme dalam lirik lagu. Pendekatan ini berasaskan pemahaman bahawa bahasa dan bentuk seni merupakan cerminan pemikiran dan nilai masyarakat. Kajian Muhammad Abdul Haris et al. (2024) terhadap drama muzik Nurbaya menunjukkan cara unsur gaya bahasa, irama dan bentuk retorik digunakan untuk menyampaikan nilai budaya dan emosi kolektif.

Ketiga, analisis hermeneutik budaya diaplikasikan untuk mentafsir makna dan nilai spiritual dalam lirik lagu. Pendekatan ini melihat teks bukan hanya sebagai karya seni, tetapi juga sebagai manifestasi falsafah hidup masyarakat Melayu. Kajian Nur Nafishah Azmi et al. (2021) terhadap simbolisme bunga teratai dalam

lagu Melayu “Teratai” membuktikan bahawa pendekatan hermeneutik dapat menjelaskan hubungan simbol, keindahan bahasa dan pengalaman spiritual dalam seni Melayu.

Selain itu, tafsiran budaya ini turut mengambil kira konteks sosial dan moral dalam karya Melayu seperti yang dihuraikan oleh Rosadi et al. (2024) dalam analisis lagu rakyat “Bangau oh Bangau”. Kajian tersebut menunjukkan bahawa struktur naratif dan gaya berulang dalam lagu berperanan untuk mendidik masyarakat tentang keseimbangan dan kebijaksanaan hidup, selaras dengan nilai budi dalam budaya Melayu. Pendekatan hermeneutik budaya juga memperkukuh interpretasi nilai spiritual dalam muzik tradisional, iaitu setiap bentuk estetika dianggap sebagai refleksi hubungan manusia dengan Tuhan dan alam. Harryizman Harun dan Noor Aziah Abdullah (2023) menegaskan bahawa cerita rakyat dan lagu tradisional berfungsi sebagai *intangible cultural heritage* yang perlu ditafsir semula bagi memelihara hikmat dan identiti Melayu-Islam.

Dengan berdasarkan kerangka analisis tersebut, proses analisis dimulakan dengan mengenal pasti tema utama yang muncul secara konsisten dalam keseluruhan lirik album. Tema tersebut kemudiannya disokong melalui analisis stilistik dengan meneliti penggunaan metafora, simbol, imejan, diksi dan gaya bahasa yang membentuk makna dalam setiap lagu. Seterusnya, dapatan daripada kedua-dua analisis tersebut ditafsir menggunakan pendekatan hermeneutik budaya Melayu bagi menjelaskan hubungan antara bentuk bahasa, nilai budaya, adab dan pandangan alam Melayu-Islam. Proses analisis yang saling melengkapi ini memastikan setiap tafsiran yang dikemukakan berasaskan bukti tekstual sebelum dihuraikan dalam konteks budaya dan spiritual yang lebih luas. Oleh itu, kerangka analisis kajian ini menggabungkan tafsiran linguistik, estetik dan spiritual bagi memahami cara lirik dalam *Gema Bumantara* (2025) bukan sekadar karya seni, tetapi teks budaya yang mengartikulasikan cinta, adab dan ketauhidan dalam bentuk yang indah dan beradab.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Cinta sebagai Ikatan Beradat dan Direstui

Dengan berdasarkan penelitian, dapatan kajian menunjukkan bahawa tema cinta dalam album *Gema Bumantara* tidak ditampilkan sebagai emosi bebas dan individualistik, tetapi sebagai satu proses berperingkat yang berakar pada adat, adab dan restu Ilahi. Cinta dalam kerangka budaya Melayu difahami sebagai satu bentuk amanah sosial dan spiritual yang hanya lengkap apabila diiktiraf melalui norma adat dan hukum agama. Pandangan ini sejajar dengan konsep cinta beradat yang digariskan Nur Nafishah Azmi et al. (2021), iaitu makna cinta dalam seni Melayu sering dikaitkan dengan nilai moral dan simbol keagamaan, bukan semata-mata perasaan peribadi.

Lagu “Kumbang Bunga” memperlihatkan metafora tradisional antara kumbang dengan bunga sebagai lambang lelaki dan perempuan. Namun begitu, hubungan ini tidak bersifat godaan atau percintaan bebas, sebaliknya lambang ini dipadukan dengan unsur restu dan ikatan rasmi:

“Ketika kumbang menghinggap ke bunga
Tercipta satu perjalanan indah
Melamar hati yang mahu dicinta
Janji kedua-duanya bahagia
Pada restu dan ikatan rasmi Tuhan.”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Petikan lirik tersebut menampilkan tafsiran bahawa cinta yang benar dalam pandangan Melayu-Islam hanya sempurna apabila disahkan oleh restu dan ikatan rasmi. Tafsiran ini selari dengan dapatan Rosadi et al. (2024) yang menyatakan bahawa lagu rakyat Melayu menegaskan prinsip moral dan keseimbangan sosial sebagai landasan hubungan manusia. Malah, prinsip ini menggambarkan Islam yang menempatkan perkahwinan sebagai institusi sah untuk menyalurkan rasa cinta dan kasih sayang, serta menolak hubungan yang tidak berlandaskan hukum dan adab.

Dalam lagu “Jenjang Cinta”, konsep cinta berperingkat ditonjolkan secara lebih eksplisit melalui istilah jenjang, yang bermaksud tangga atau tahap. Cinta digambarkan bukan sekadar keinginan hati, tetapi perjalanan yang perlu melalui proses adat dan restu keluarga:

“Janganlah cuba memujuk
Tunggu dulu
Ingin dipinang abang
Menunggu abang memohon restu.”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Prinsip menahan diri dan kesabaran sebelum tiba masa yang menggambarkan nilai tertib sosial yang amat penting dalam budaya Melayu. Prinsip ini sejajar dengan pandangan Mustafa Din et al. (2021) yang menegaskan bahawa wacana tradisional Melayu mengutamakan disiplin dan hierarki moral dalam hubungan sosial. Dalam konteks ini, cinta menjadi simbol keseimbangan antara emosi dengan akal budi, yakni satu konsep yang juga disokong oleh Harryizman Harun dan Noor Aziah Abdullah (2023) dalam analisisnya terhadap nilai kepahlawanan dan kesetiaan dalam cerita rakyat Melayu. Malah, lagu ini memperlihatkan cinta bukan sesuatu yang dituntut secara tergesa-gesa, sebaliknya dinantikan melalui proses peminangan dan restu keluarga, selari dengan nilai adat Melayu yang amat menekankan kesantunan dan tertib sosial.

Selain menonjolkan kesetiaan dan kesabaran, lagu ini menolak kecenderungan materialistik dalam percintaan moden:

“Siapa pun melamar walau emas sedulang
Bulan bintang dijanji
Hanya abang yang kunanti.”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Ungkapan ini menggambarkan ideal cinta sebagai ikatan moral dan spiritual yang sama sekali mengatasi kepentingan duniawi, selaras dengan falsafah ketauhidan Melayu yang menempatkan cinta kepada manusia dalam hubungan cinta kepada Tuhan (Fiddian Khairudin & Sudirman Anwar, 2025).

Seterusnya, lagu “Kaca dan Permata” memperluas perbincangan cinta sebagai disiplin akal budi. Lirikinya berbentuk teguran dan nasihat, menggunakan gaya pantun dan peribahasa untuk mengingatkan agar tidak mudah terpedaya dengan janji palsu:

“Hai Adinda
Usah mudah
Termakan dengan semanis kata-kata
Bagaikan kaca disangka permata
Indah khabar dari rupa.”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Metafora kaca dan permata menandakan perbezaan antara cinta tulen dengan cinta palsu, dan menegaskan pentingnya kebijaksanaan untuk memilih pasangan. Muhammad Abdul Haris et al. (2024) menyatakan bahawa gaya bahasa puitis dan unsur pantun dalam karya muzik Melayu berfungsi sebagai alat pendidikan moral secara tidak langsung dapat menanamkan nilai berhati-hati dan budi pekerti melalui seni.

Nada didaktik ini diteruskan melalui rangkap berikut:

“Anak odeng-odeng
Pandır pun dah pening
Cinta palsu jangan ditawan
Baik-baik pilih kasih.”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Ungkapan “baik-baik pilih kasih” mencerminkan prinsip akal budi sebagai panduan dalam menentukan cinta sejati, selari dengan pandangan Juliana Ahmad dan Noriha Basir (2017) bahawa kesantunan bahasa Melayu berfungsi sebagai alat pengawalan moral dalam komunikasi dan peri laku sosial. Malah, dari sudut stilistik, penggunaan

rima dan unsur jenaka menjadikan teguran ini lembut tetapi berkesan, selari dengan gaya teguran tradisi Melayu.

Selain itu, lirik ini juga memperlihatkan interaksi jantina yang beretika dan penuh adab, apabila pihak lelaki digambarkan sebagai sumber bimbingan yang berhikmah:

“Hai Kakanda
Bijaksana
Bicaramu bagai cahaya”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Pujian ini bukan romantisasi buta, tetapi pengiktirafan terhadap kebijaksanaan sebagai sifat ideal kekasih lelaki dalam budaya Melayu, iaitu bukan sekadar rupa atau retorik. Dengan erti kata lain, lelaki yang diletakkan tugas sebagai memimpin wanita, harus hadir dengan aspek kebijaksanaan bukan rupa-rupa semata-mata.

Bahagian dikir dalam lagu ini pula memperlihatkan penggunaan kiasan Melayu yang menggambarkan keseimbangan antara kegembiraan cinta dan kemungkinan kesedihan:

“Air tenang jangan disangka tiada gelora
Kalau tak dipecah ruyung manalah sagunya
Cinta selalu berbunga jadi air mata
Tapi itu semua kata-kata orang lama.”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Menerusi tafsiran hermeneutik budaya, rangkap ini menunjukkan bahawa cinta dalam budaya Melayu bukan sekadar pengalaman emosi, tetapi satu proses pembelajaran yang turut mengandungi risiko, kesabaran dan hikmah. Bahkan, rangkap ini juga menegaskan bahawa walaupun cinta merupakan pengalaman indah, cinta tetap memerlukan pertimbangan, keberanian dan kebijaksanaan, serta kesediaan menanggung akibat jika tersalah memilih. Nilai ini memperkukuh dapatan bahawa cinta dalam *Gema Bumantara* berperanan sebagai wacana budaya yang menegaskan hubungan antara perasaan, tanggungjawab dan iman.

Secara keseluruhan, “Kaca dan Permata” berperanan sebagai pelengkap wacana cinta dalam album *Gema Bumantara* dengan menegaskan bahawa cinta bukan sahaja berlandaskan perasaan, tetapi turut memerlukan pertimbangan akal budi dan kewaspadaan moral. Jika “Kumbang Bunga” menampilkan cinta dimurnikan melalui restu dan ikatan rasmi, “Jenjang Cinta” menonjolkan cinta sebagai proses bertahap yang tertib dan beradat, maka “Kaca dan Permata” pula menambah dimensi kesedaran bahawa cinta harus ditapis melalui kebijaksanaan agar tidak terjerumus dalam tipu daya emosi.

Oleh itu, album ini membina satu kerangka pemaknaan cinta yang holistik dalam budaya Melayu, iaitu cinta yang sah, beradab dan berlandaskan kejujuran. Cinta yang menuntut kesetiaan serta kesabaran dan pada masa yang sama cinta mengandungi disiplin moral dan keinsafan terhadap kemungkinan penipuan dan kerapuhan manusia. Seluruh dapatan ini menunjukkan bahawa konsep cinta dalam album tradisional Melayu bukanlah cinta romantik yang bebas dan individualistik, tetapi cinta yang diikat oleh nilai budaya, tanggungjawab sosial dan keinsafan spiritual.

Rindu, Penantian dan Kesetiaan Emosi

Selain cinta yang dimuktamadkan melalui adat dan restu, album *Gema Bumantara* turut membina wacana rindu sebagai pengalaman emosi yang matang, terkawal dan beretika. Lagu “Hati yang Rindu” dan “Syurgaloka” memperlihatkan bahawa rindu dalam pandangan alam Melayu bukanlah emosi yang meledak atau merosakkan diri, sebaliknya satu keadaan batin yang ditangani dengan kesabaran, kesetiaan dan keindahan bahasa.

Dalam lagu “Hati yang Rindu”, rindu digambarkan melalui imejan alam yang tenang dan berulang, menandakan kesinambungan perasaan yang tidak bersifat mendesak atau histeria:

“Dedaun gugur menyapa tanah
Bayu berbisik rindu tak sudah”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis stilistik, penggunaan unsur alam, seperti dedaun dan bayu membentuk medan makna yang lembut dan juga kontemplasi. Rindu tidak diluahkan secara dramatik, tetapi diserap dalam kitaran alam yang berterusan. Tafsiran hermeneutik terhadap imejan ini menunjukkan bahawa rindu difahami sebagai sebahagian daripada lumrah kehidupan, bukan gangguan emosi yang perlu dilampiaskan secara agresif. Kajian oleh Nur Nafishah Azmi et al. (2021) mendapati bahawa simbol dalam karya seni Melayu sering berfungsi sebagai metafora bagi keseimbangan emosi dan kesedaran spiritual.

Pemaknaan rindu dalam lagu ini turut diperkukuh oleh konteks muziknya yang didukung oleh melodi asli Melayu yang mendayu. Dalam tradisi muzik Melayu, genre asli sinonim dengan tempo yang perlahan, alunan yang lembut dan ekspresi emosi yang bersifat refleksi, sekali gus menjadikannya medium yang sesuai untuk mengungkapkan kerinduan, kesabaran dan kehalusan perasaan (Boyle et al., 2022). Gabungan antara melodi asli dengan imejan alam dalam lirik memperlihatkan bahawa rasa rindu tidak dipersembahkan sebagai ledakan emosi, sebaliknya sebagai pengalaman batin yang tenang, matang dan beradab. Hubungan antara watak irama

dengan watak lirik ini mengukuhkan tafsiran bahawa “Hati yang Rindu” mengekalkan estetika tradisi Melayu yang mengutamakan keseimbangan emosi dan kesantunan bagi meluahkan perasaan (Md Jais Ismail & Fung Chiat Loo, 2023).

Selain itu, kesetiaan emosi dalam penantian turut ditegaskan melalui naratif menunggu yang berlapis:

“Bertatih sayang di jalan kenangan
Setia menanti walau sendirian”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Kata bertatih melambangkan langkah yang perlahan dan berhati-hati, sekali gus menandakan kematangan emosi subjek lirik. Kesendirian tidak ditampilkan sebagai penderitaan mutlak, tetapi sebagai ruang pengukuhan jiwa. Dengan berdasarkan pendekatan tematik (Braun & Clarke, 2006), dapatan ini menunjukkan bahawa rindu dalam lagu ini bersifat produktif dan mendidik jiwa terhadap nilai kesetiaan, bukan penderitaan yang meruntuhkan diri.

Namun begitu, rindu dalam lagu ini juga membawa lapisan makna kedua yang lebih mendalam, iaitu rindu seorang penulis lirik dan komposer terhadap roh dan jiwa lagu tradisional Melayu yang makin hilang dalam arus kemodenan muzik popular. Rangkap akhir lagu memperkuat tafsiran ini:

“Ini nadaku, warisan kita
Disulam indah, suara Nusantara
Kekal abadi selamanya
Lagu hati, hati yang rindu.”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui pendekatan hermeneutik budaya, rangkap ini dapat ditafsirkan sebagai satu pernyataan nostalgia dan kesedaran estetik, satu bentuk “rindu budaya” terhadap keindahan lagu Melayu yang berakar pada nilai budi dan warisan Nusantara. Imej “suara Nusantara” dan “warisan kita” menunjukkan keinginan untuk mengekalkan kesinambungan tradisi muzik yang memiliki jiwa dan makna, berbeza daripada bentuk hiburan moden yang sering kehilangan nilai spiritual dan bahasa halus. Tafsiran ini sejajar dengan dapatan Md Jaid Ismail dan Fung Chiat Loo (2023) yang menjelaskan bahawa muzik Melayu tradisional berperanan sebagai suatu simbol kesinambungan identiti dan ruang ekspresi nilai budaya dalam arus globalisasi.

Pendekatan yang hampir sama, namun lebih imaginatif dan simbolik dapat dilihat dalam lagu “Syurgaloka”. Rindu bagi lagu ini diangkat sebagai ruang eskapisme emosi yang menyembuhkan, bukan sebagai kesakitan yang memusnahkan. Hal ini tergambar melalui metafora kosmik dan bahasa tinggi:

“Oh syurgaloka
 Oh bersamamu
 Melayang sayap di jumantara”
 (Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis hermeneutik budaya, syurgaloka dapat ditafsir sebagai alam batin, iaitu satu ruang spiritual yang membebaskan jiwa daripada tekanan realiti. Rindu tidak lagi sekadar ketiadaan fizikal, tetapi keinginan terhadap keutuhan emosi dan makna kebersamaan spiritual. Metafora melayang sayap pula melambangkan pelepasan beban psikologi, menandakan fungsi rindu sebagai mekanisme pemulihan jiwa. Harryizman Harun dan Noor Aziah Abdullah (2023) menyatakan bahawa dalam seni tradisional Melayu, imejan alam tinggi, seperti langit dan juga cahaya melambangkan usaha manusia mencari keseimbangan batin dan kebergantungan pada Ilahi.

Aspek ini diperkukuh lagi melalui pernyataan bahawa pelukan kekasih berfungsi sebagai simbol penyembuhan emosi:

“Asmaraloka
 Oh pelukanmu
 Jadi pengubat di kala rindu”
 (Siti Nurhaliza, 2025)

Dalam konteks budaya Melayu, pelukan tidak ditampilkan sebagai simbol sensual semata-mata, tetapi sebagai lambang ketenangan dan pemulihan batin. Rindu diurus melalui kasih sayang yang bersifat lembut dan menenangkan, sejajar dengan nilai kesantunan emosi yang ditekankan dalam budaya Melayu (Juliana Ahmad & Noriha Basir, 2017).

Dapatan daripada kedua-dua lagu ini memperlihatkan bahawa *Gema Bumantara* membentuk satu wacana rindu yang beretika, berlapik dan berdaya tahan. Rindu tidak dieksploitasi sebagai konflik dramatik atau penderitaan melampau, sebaliknya dipersembahkan sebagai pengalaman emosi yang memperkukuh kesetiaan dan ketahanan jiwa. Pendekatan ini mengukuhkan kedudukan album tradisional Melayu yang bukan sahaja sebagai wadah ekspresi perasaan, tetapi mendidik cara mengurus emosi secara berbudaya dan bermakna (Mustafa Din et al., 2021; Muhammad Abdul Haris et al., 2024).

Teguran Sosial dan Etika Bahasa

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa album *Gema Bumantara* tidak terhad terhadap wacana cinta dan emosi peribadi, malah berfungsi sebagai medium teguran sosial dan juga pendidikan etika bahasa. Lagu “Rencong” dan “Hujung Bumi”

memperlihatkan cara lirik digunakan sebagai alat kritikan budaya terhadap krisis jati diri, kejahilan terhadap tradisi dan penyalahgunaan bahasa, serta kehidupan sosial.

Dalam lagu “Rencong”, subjek anak pertiwi dijadikan fokus teguran, mewakili generasi pewaris budaya yang digambarkan keliru dan tidak menguasai warisan sendiri:

“Anak pertiwi
Jangan begitu
Adat lama semua terlupa”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis tematik, petikan tersebut memperlihatkan kebimbangan terhadap terputusnya kesinambungan tradisi. Teguran ini tidak disampaikan secara keras, sebaliknya melalui gaya bahasa sindiran dan peringatan, sejajar dengan tradisi komunikasi Melayu menegur secara berlapik. Kajian oleh Juliana Ahmad dan Noriha Basir (2017) menjelaskan bahawa dalam budaya Melayu, strategi teguran secara tidak langsung ialah ciri utama kesantunan linguistik yang bertujuan untuk mendidik tanpa menjatuhkan air muka.

Selain penggunaan bahasa sindiran yang berlapik, pemaknaan budaya dalam lagu “Rencong” turut diperkukuh oleh konteks muziknya. Lagu ini menggabungkan rentak marwas dengan elemen muzik tradisional Melayu, khususnya pengaruh zapin, di samping sentuhan moden dan elemen puisi, serta persilatan Melayu. Marwas sebagai instrumen utama dalam persembahan zapin mempunyai hubungan rapat dengan tradisi dakwah, pendidikan adab dan pembentukan jati diri masyarakat Melayu-Islam (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara [JKKN], 2025). Oleh itu, irama yang rancak tetapi tersusun dalam lagu ini bukan sekadar memberikan daya tarikan muzik, malah mengukuhkan fungsi lirik sebagai medium teguran sosial yang disampaikan secara berhemah. Gabungan antara watak irama dengan watak lirik memperlihatkan bahawa kritikan terhadap generasi pewaris budaya tidak disampaikan secara menghukum, sebaliknya melalui pendekatan seni yang mengekalkan nilai kesantunan, sejajar dengan matlamat album *Gema Bumantara* menghidupkan semula warisan muzik tradisional dalam konteks kontemporari (Siti Nurhaliza unveils, 2025).

Krisis literasi budaya ini diperkukuh melalui pengulangan struktur negatif yang menandakan kegagalan penguasaan pelbagai aspek seni dan ilmu tradisional:

“Nak syair tak pandai
Nak zapin tak gemalai
Nak berkias tak menjadi”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Dari sudut stilistik, pengulangan frasa “nak ...” dan “tak ...” membina kesan retorik yang menegaskan kelemahan berlapis, bukan sekadar kekurangan kemahiran teknikal, tetapi juga kerana ketiadaan penghayatan makna dan nilai. Tafsiran hermeneutik terhadap rangkap ini menunjukkan bahawa tradisi tidak dapat difahami secara kosmetik atau hafalan semata-mata, sebaliknya menuntut makrifat atau kefahaman batin. Unsur ini dikuatkan lagi dengan rangkap berikut:

“Sudah makan pantun
Sudah pun minum gurindam
Masih tak berjumpa
Di mana makrifatnya”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Metafora makan dan minum melambangkan penerimaan lahiriah terhadap ilmu, namun ketiadaan makrifat menggambarkan kegagalan untuk memahami roh budaya. Tafsiran ini selaras dengan dapatan Harryizman Harun dan Noor Aziah Abdullah (2023) yang menegaskan bahawa dalam seni Melayu, makna sejati tradisi hanya dapat difahami apabila bentuk dan makrifatnya digabungkan, bukan sekadar dihafal atau dipertontonkan.

Sementara itu, lagu ‘Hujung Bumi’ memperluas teguran sosial dengan menekankan etika bahasa sebagai asas keharmonian sosial. Melalui rangkap awalnya, lagu ini menegaskan prinsip berhati-hati dalam pertuturan:

“Cakap siang baik berpandang-pandang
Cakap malam baik dengar-dengar”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Analisis tematik menunjukkan bahawa bahasa dianggap sebagai amanah sosial yang perlu dikawal. Dari perspektif hermeneutik budaya, ungkapan ini mencerminkan pandangan alam Melayu bahawa kata-kata memiliki kuasa spiritual yang mampu membina atau meruntuhkan hubungan sosial. Juliana Ahmad dan Noriha Basir (2017) turut menegaskan bahawa kesantunan bahasa Melayu berpaksikan falsafah keseimbangan antara niat, konteks dan dampak tutur terhadap orang lain.

Bahaya penyalahgunaan bahasa turut digambarkan secara metaforik sebagai sesuatu yang akhirnya memakan diri penuturnya:

“Dimamah kata-kata sendiri”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Metafora ini menggambarkan cara kata yang tidak beretika akan berbalik menjadi beban dan kemusnahan batin. Teguran ini diperkukuhkan lagi melalui imejan bibir berduri dan dusta berbisa:

“Dan bibir-bibir yang berduri-duri
Binas di akhir nanti

...

Kata-kata dusta penuh berbisa

Kerana kata hatikan binasa”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Dari sudut stilistika, pasangan kata berbisa-binasa membentuk medan makna yang keras dan dramatik, yakni berbeza daripada kelembutan bahasa dalam lagu cinta yang lain. Kontras gaya ini memperlihatkan fungsi retorik sebagai amaran moral. Penggunaan diksi dramatik dan pola bunyi sebenarnya dalam teks muzik Melayu sering dimanfaatkan untuk membangkitkan kesedaran sosial (Muhammad Abdul Haris et al., 2024).

Secara keseluruhan, “Rencong” dan juga “Hujung Bumi” membuktikan bahawa *Gema Bumantara* bukan sekadar album hiburan, tetapi wahana pendidikan moral yang kesedaran budaya. Teguran sosial dan etika bahasa yang diketengahkan menempatkan lirik sebagai media nasihat dan sindiran berbudaya, selaras dengan tradisi lisan Melayu yang menjadikan seni itu sebagai alat pembentukan akhlak dan ketertiban sosial. Pendekatan ini sejajar dengan dapatan Mustafa Din et al. (2021), yang menegaskan bahawa teks budaya Melayu sentiasa berfungsi sebagai wacana pendidikan nilai dan tanggungjawab komuniti.

Muhasabah Diri dan Ketundukan terhadap Takdir

Selanjutnya, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa album *Gema Bumantara* turut menampilkan dimensi muhasabah diri dan ketundukan terhadap takdir sebagai asas kestabilan emosi dan spiritual. Lagu “Pesanan Buat Diri” dan “Kesuma” secara konsisten mengangkat nilai reda, doa dan kejujuran sebagai mekanisme pengurusan emosi yang beretika, selari dengan pandangan alam Melayu-Islam yang menekankan keseimbangan antara kehendak manusia dan ketentuan Ilahi.

Menerusi lagu ‘Pesanan Buat Diri’, subjek lirik berbicara kepada diri, satu bentuk dialog introspektif yang menandakan proses refleksi batin. Hakikat kehidupan yang tidak mutlak dalam kawalan manusia dinyatakan secara jelas:

“Pesananku pada diri sendiri
Bahawa hidup ini, seumpama mimpi

Sekelipan mata suka dan duka berganti
Takdir dan suratan tak upaya dihindari”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis tematik, rangkap ini menegaskan bahawa kefanaan kehidupan dan ketidakpastian nasib sebagai lumrah yang harus diterima dengan kesedaran. Tafsiran hermeneutik terhadap metafora hidup seumpama mimpi menunjukkan bahawa kebahagiaan dan kesedihan bersifat sementara. Oleh itu, manusia dituntut untuk tidak terlalu terikat kepada perasaan duniawi. Pemikiran ini sejajar dengan tradisi falsafah Melayu yang menekankan kesederhanaan emosi dan keinsafan diri sebagai jalan untuk mencapai ketenangan batin (Nur Nafishah Azmi et al., 2021). Menerusi konteks budaya, muhasabah diri berfungsi sebagai mekanisme spiritual untuk mengekalkan keharmonian antara jasad, jiwa dan alam.

Nilai reda sebagai sumber ketenangan batin turut ditegaskan dalam rangkap berikut:

“Selagi berkasih sayang
Dalam reda ditemui ketenangan”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Dari sudut stilistik, penggunaan kata ‘ditemui’ menandakan bahawa reda bukan sesuatu yang pasif, tetapi hasil daripada kesedaran dan latihan rohani. Nilai ini menggambarkan konsep tawakal beradab, yakni menerima takdir tanpa kehilangan usaha dan kasih. Fiddian Khairudin dan Sudirman Anwar (2025) menerusi kajiannya menyatakan bahawa konsep reda dalam seni Melayu-Islam sering dihubungkan dengan keseimbangan antara cinta manusia dengan cinta ketuhanan, iaitu seni menjadi alat untuk menyeru jiwa kepada ketenangan spiritual.

Nilai reda ini juga diterjemahkan sebagai cinta yang berdoa, bukan cinta yang menuntut sebagaimana terserlah dalam nasihat penuh kelembutan:

“Titipkanlah doa setulus cintamu, kasih
Usah terlalu lama bersedih”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Doa dalam konteks ini berfungsi sebagai bentuk cinta yang tertinggi, melampaui keinginan pemilikan dan berakar pada penyerahan secara menyeluruh kepada Tuhan. Analisis hermeneutik budaya mendapati bahawa dalam tradisi seni Melayu, doa sering digunakan sebagai bentuk perubahan perasaan, menjadikan emosi sebagai ibadah (Harryizman Harun & Noor Aziah Abdullah, 2023).

Pendekatan muhasabah ini diperkuat melalui lagu “Kesuma”, yang mengangkat tema pembaharuan jiwa selepas melalui penderitaan. Liriknyanya menonjolkan pengakuan

terhadap masa silam, namun dengan semangat untuk memulihkan diri dan melangkah ke hadapan:

“Kendatipun masa silam
Sempat menyulami diri
Sukma ini sudah puas
Berbelangsungkawa manja”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Analisis tematik menunjukkan bahawa penderitaan diiktiraf sebagai pengalaman pembelajaran, bukan beban yang perlu disesali. Lagu ini kemudian mengemukakan metafora atma baharu sebagai simbol kebangkitan emosi dan spiritual:

“Maka, datanglah
Wahai atma baru
Untuk jiwa lara”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui tafsiran hermeneutik budaya Melayu, menjelaskan bahawa atma baharu melambangkan kelahiran semula rohani, iaitu proses pemurnian batin selepas tempoh ujian. Nilai kejujuran turut ditekankan sebagai prasyarat untuk mencapai keseimbangan diri:

“Suarakan kejujuran
Kalau cinta bilanglah cinta”

(Siti Nurhaliza, 2025)

Kejujuran dalam konteks ini bukan hanya keberanian untuk meluahkan perasaan, tetapi kesediaan untuk mengakui kebenaran diri dan tanggungjawab terhadap perasaan orang lain. Dari sudut stilistik, penggunaan diksi lembut dan imejan bunga (kesuma puspita) memperindah ekspresi emosi tanpa kehilangan nilai moral. Khairunnisa Diyana Md. Noor dan Marzelan Salleh (2025) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa seni suara Melayu moden mengekalkan keseimbangan antara keindahan estetika dan nilai spiritual dalam ekspresi perasaan.

Secara keseluruhan, ‘Pesanan Buat Diri’ dan ‘Kesuma’ membentuk wacana muhasabah yang menekankan bahawa kestabilan emosi tidak dicapai melalui penafian duka, tetapi melalui reda, doa dan kejujuran diri. Dapatan ini mengukuhkan *Gema Bumantara* sebagai album tradisional Melayu yang menggabungkan kebijaksanaan emosi dan spiritual Islam-Melayu, sejajar dengan fungsi tradisi seni Melayu sebagai wahana pembinaan jiwa dan akhlak (Mustafa Din et al., 2021; Muhammad Abdul Haris et al, 2024).

Kesedaran Spiritual dan Ketauhidan

Sebagai lagu penutup album, “Cenderamaya” berfungsi sebagai rumusan tauhid yang menyatukan keseluruhan wacana *Gema Bumantara*. Jika lagu terdahulu membicarakan cinta beradat, rindu yang matang, teguran sosial dan muhasabah diri, “Cenderamaya” mengangkat kesedaran yang lebih tinggi, iaitu kesyukuran terhadap indera, alam dan kekuasaan Ilahi, sekali gus menempatkan seluruh pengalaman manusia dalam kerangka ketauhidan.

Tema ini telah dinyatakan secara eksplisit melalui pengiktirafan bahawa pancaindera merupakan anugerah yang bersifat pinjaman daripada Tuhan:

“Inderamulah permata
Merasa keajaiban dunia
Pinjaman dari(pada) yang menyempurnakan atma jiwa”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis tematik, rangkap ini menegaskan bahawa kemampuan manusia untuk melihat, merasa dan menghayati keindahan dunia bukanlah milik mutlak, tetapi kurniaan Tuhan. Tafsiran hermeneutik budaya Melayu-Islam terhadap konsep pinjaman memperlihatkan kesedaran akan keterbatasan manusia dan kebergantungan mutlak kepada Yang Maha Esa. Kesedaran ini sejajar dengan pandangan dunia Melayu yang menempatkan manusia sebagai makhluk yang bersyukur dan bertanggungjawab terhadap nikmat Ilahi. Menurut Fiddian Khairudin dan Sudirman Anwar (2025), dalam wacana seni Melayu moden, konsep ketuhanan sering digambarkan melalui kesedaran akan “nikmat pinjaman”, yakni hubungan harmoni antara manusia, alam dan Tuhan.

Dari sudut stilistika, penggunaan metafora kosmik dan bahasa tinggi memperkukuh nuansa sakral lagu ini. Hal ini jelas melalui penggambaran kekuasaan Ilahi sebagai pentadbir semesta:

“Engkaulah sang bijaksana
Mentadbir selautan
Di kayangan cenderamaya”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Kata mentadbir dan selautan membentuk medan makna yang melampaui pengalaman manusiawi biasa, merujuk pengurusan kosmos oleh kekuasaan Ilahi. Imej kayangan cenderamaya pula dapat ditafsir sebagai alam simbolik yang melambangkan kesempurnaan, keindahan dan juga keteraturan ciptaan Tuhan. Dalam konteks hermeneutik budaya Melayu, metafora ini berfungsi sebagai

jambatan antara estetika dengan spiritual, menjadikan pengalaman keindahan alam sebagai jalan mencapai kesedaran tauhidik. Harryizman Harun dan Noor Aziah Abdullah (2023) ada menjelaskan bahawa unsur alam dan metafora kosmik dalam karya seni Melayu sering digunakan sebagai manifestasi kebesaran Tuhan yang dapat membawa manusia kepada pengenalan diri dan Sang Pencipta.

Kesedaran tauhid ini diperkukuh melalui peralihan makna cinta dalam lirik, iaitu daripada cinta manusiawi kepada cinta Ilahi:

“Walau setiap gelora tetap kupercaya
Cinta seluas angkasa tiada bandingannya”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Rindu dan cinta dalam lagu ini tidak tertuju kepada insan, tetapi ditafsir sebagai keyakinan terhadap kasih, kebijaksanaan dan kekuasaan Tuhan yang melampaui ujian kehidupan. Peralihan ini menunjukkan transformasi emosi daripada perasaan kepada keimanan selaras dengan pandangan Khairunnisa Diyana Md. Noor dan Marzelan Salleh (2025) bahawa seni suara Melayu sering memanfaatkan tema cinta sebagai simbol transenden spiritual menuju Tuhan.

Seruan agar tidak meragui keindahan ciptaan Tuhan juga memperkukuh fungsi lagu ini sebagai tazkirah puitis:

“Jangan pernah ragui
Jangan pernah sangsi
Kenikmatan keindahan dari-Nya (daripada-Nya)”
(Siti Nurhaliza, 2025)

Melalui analisis stilistik, pengulangan larangan jangan menegaskan kepentingan keyakinan, kesyukuran dan tafakur sebagai asas ketenangan batin. Keindahan tidak lagi dirasakan secara hedonistik, tetapi ditanggapi sebagai tanda kebesaran Tuhan yang menuntut penghargaan rohani. Hal ini selari dengan pandangan Nur Nafishah Azmi et al. (2021), bahawa dalam seni Melayu, keindahan (indah) dan kebenaran (benar) berhubung secara langsung dengan kesedaran tauhid dan tanggungjawab batin manusia.

Secarakeseluruhan, “Cenderamaya” merumuskan *Gema Bumantara* sebagai album yang bukan sahaja mengartikulasikan cinta, rindu dan muhasabah, tetapi juga menutup wacananya dengan kesedaran tauhid yang murni. Lagu ini menempatkan cinta, emosi dan budaya dalam kerangka ketuhanan, menegaskan bahawa puncak kebijaksanaan Melayu bukan terletak pada pengagungan dunia, tetapi pada kesedaran akan asal usul nikmat dan ketundukan kepada Yang Maha Esa. Oleh itu, *Gema Bumantara* berperanan sebagai wacana budaya dan spiritual, menyatukan seni dan iman seperti

yang diungkapkan oleh Mustafa Din et al. (2021), bahawa tradisi Melayu menempatkan seni sebagai jalan mendekatkan manusia kepada kebenaran dan juga kesejahteraan batin.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa album *Gema Bumantara* (2025) oleh Siti Nurhaliza bukan sekadar karya seni hiburan, tetapi sebuah teks budaya dan juga spiritual yang mengartikulasikan falsafah cinta, adab dan ketauhidan dalam tradisi Melayu-Islam. Melalui analisis hermeneutik budaya terhadap kesepuluh lirik lagu, kajian ini memperlihatkan bahawa wacana cinta dalam album ini tidak diungkapkan secara bebas dan individualistik, tetapi berakar pada nilai adat, restu, kesetiaan dan kewaspadaan moral lagu, seperti “Kumbang Bunga”, “Jenjang Cinta” dan “Kaca dan Permata” menegaskan bahawa cinta dalam kerangka budaya Melayu ialah amanah sosial yang berpaksikan akal budi, bukan sekadar emosi yang bersifat peribadi.

Selain itu, dimensi rindu dan penantian ditampilkan sebagai pengalaman emosi yang matang, berdisiplin dan bertanggungjawab “Lagu Hati Yang Rindu” dan “Syurgaloka” gambarkan cara rindu diolah sebagai mekanisme pengukuhan jiwa dan kesetiaan, bukan sebagai penderitaan destruktif. Seterusnya, lagu “Rencong” dan “Hujung Bumi” mengangkat fungsi seni sebagai alat teguran sosial dan pendidikan etika bahasa, memperingatkan krisis jati diri budaya dan tanggungjawab moral dalam pertuturan. Perbincangan ini memperkukuh hakikat bahawa seni suara Melayu sentiasa berfungsi sebagai wahana nasihat, teguran dan pemeliharaan adab.

Dimensi muhasabah diri dan ketundukan terhadap takdir pula jelas dizahirkan melalui lagu “Pesanan Buat Diri” dan “Kesuma”. Nilai reda, doa dan kejujuran diangkat sebagai teras kestabilan emosi dan spiritual, sejajar dengan pandangan alam-Melayu yang menegaskan keseimbangan antara usaha insan dengan ketentuan Ilahi. Keseluruhan wacana album ini akhirnya dirumuskan melalui “Cenderamaya”, yang memusatkan kesedaran kepada tauhid, iaitu bahawa segala keindahan, perasaan dan kebolehan manusia menikmati ciptaan Tuhan ialah nikmat pinjaman daripada Yang Maha Esa.

Secara tuntas, kajian ini membuktikan bahawa *Gema Bumantara* membina satu kerangka pemaknaan seni yang holistik, iaitu seni yang menghimpunkan estetika bahasa, disiplin moral dan kesedaran ketuhanan. Hal ini menegaskan bahawa tradisi seni Melayu masih hidup dan relevan dalam konteks moden, apabila diberikan tafsir semula yang kreatif namun tetap berpaksikan roh budaya. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang wacana bahasa, sastera dan muzik Melayu kontemporari dengan memperlihatkan bahawa lirik lagu tradisional moden boleh difahami sebagai teks budaya yang kompleks, bukan hanya bahan hiburan.

Malah, kajian ini juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan, khususnya dalam meneliti penerimaan khalayak terhadap wacana adab dan juga ketauhidan dalam muzik kontemporari, serta cara industri muzik dapat terus memartabatkan warisan seni Melayu tanpa mengorbankan nilai estetika dan spiritualnya. Melalui pembacaan yang lebih luas dan antara disiplin, kesinambungan wacana ini diharap dapat menyumbang terhadap pemeliharaan hikmah, budi dan jati diri Melayu-Islam dalam arus budaya pada masa kini.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

PERNYATAAN PENGGUNAAN KECERGASAN BUATAN GENERATIF

Tiada penggunaan kecerdasan buatan generatif digunakan bagi penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Boyle, J. P. S., Hashim, M. N., & Chang, Y.-L. (2022). The influential musical compositional tools of Malay popular music in Malaysia of the mid-20th and the early 21st century. *International Journal of Creative Industries (IJCREI)*, 4(9), 1–18. <https://doi.org/10.35631/IJCREI.49001>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Sage.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- Fiddian Khairudin, & Sudirman Anwar. (2025). Malayness at the nexus of nation and

- ummah: Rethinking the cultural politics of postcolonial Malay identity. *Asia-Pacific Journal on Religion and Society*, 8(1), 38–51. <https://doi.org/10.24014/apjrs.v8i1.37559>
- Harryizman Harun, & Noor Aziah Abdullah. (2023). The song of the Kedidi: The embodiment of a hero in a Malay folktale as an intangible cultural heritage. *Journal of Communication, Language and Culture*, 3(1), 1–16. <https://doi.org/10.33093/jclc.2023.3.1.1.1>
- Hidayatullah, A., & Darmastuti, T. (2024). Malay music transmission: Social practices and community perception. *International Journal of Religion*, 5(11), 6947–6953. <https://doi.org/10.61707/0nvtn091>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2025). *Tarian Zapin Lenga*. Portal Pemetaan Budaya JKKN. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/1038>
- Juliana Ahmad, & Noriha Basir. (2017). Nilai kesantunan berbahasa dalam komunikasi pengurusan air muka: Analisis pragmatik berasaskan teori relevans. *Journal of Human Development and Communication*, 6, 163–180.
- Lubis, M. N., Sunarto, S., Sinaga, S. S., & Nugrahani, R. (2025). Character education values in traditional Malay songs. *Journal La Edusci*, 6(3), 516–528. <https://doi.org/10.37899/journallaedusci.v6i3.2410>
- Lukitaningsih, L., Priyatna, A. S., Ayubi, M. A., Simbolon, K. S., Aritonang, M. N., & Wati, (2024). Traces of the history of the composer's role: Development of deli Malay music. *Gondang: Jurnal Seni dan Budaya*, 8(2), 470–482. <https://doi.org/10.24114/gondang.v8i2.59478>
- Khairunnisa Diyana Md Noor, & Marzelan Salleh. (2025). Exploring Malay art song: A musical and textual study of *Korban Tanah Air* by Yusran Yusoff. *Studia UBB Musica*, 70 (Special Issue 1), 297–307. <https://doi.org/10.24193/subbbmusica.2025.spiss1.17>
- Md Jais Ismail, & Fung Chiat Loo. (2023). Evolvment of syncretic music: The aesthetic values of Malaysian popular and traditional music. *Studia Universitatis Babeş-Bolyai Musica*, 68 (Special Issue 2), 87–105. <https://doi.org/10.24193/subbbmusica.2023.spiss2.06>
- Mustafa Din, W., Ahmad Zakaria, R. M., & Puteh, N. R. (2021). Discourse on ethnomedicinal plants in ancient Malay medical manuscript for gastrointestinal diseases. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 22, 75–85. <https://doi.org/10.17576/malim-2021-2201-06>
- Muhammad Abdul Haris, Meisuri Meisuri, & Anni Holila Pulungan. (2024). Literary stylistics features in the musical drama *Nurbaya* by Indonesia Kaya. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 12(2), 1–15. <https://doi.org/10.24036/jbs.v12i2.128167>
- Mya Amri. (2025, 29 Oktober). Suara warisan terus bergema! Siti Nurhaliza kembali dengan Gema Bumantara! *Astro Gempak*. <https://gempak.com/hiburan/suara-warisan-terus-bergema-siti-nurhaliza-kembali-dengan-gema-bumantara-album-sarat-elemen>
- Nur Nafishah Azmi, Noor Zahara Suryani Abdul Razak, & Wan Ainaa Atiqah Mohd Ismadi. (2021). Understanding the symbolism of lotus flower in *Teratai*: A process of transferring the lyrics and *rasa* (feeling). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(1), 106–113. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i1/8415>
- Rosadi, K., Fitrinaldi, F., Herianto, B., Mariono, M., Syafitriyandy, S., Irawan, D., & Abdulhajar, E. (2024). The dynamics of social criticism in the lyrics of the song “Bangau Oh Bangau”: A study of Malay cultural values in the Riau Islands. *SHS Web of Conferences*, 205, 02014. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202420502014>

- Siti Nurhaliza unveils traditional album “Gema Bumantara”, spotlights young talent. (2025, 30 Oktober). *BERNAMA*. <https://lifestyle.bernama.com/news-en.php?id=2485297>
- Siti Nurhaliza. (2025). *Gema Bumantara* [Album]. Siti Nurhaliza Productions & Universal Music Group Malaysia.
- Storey, J. (2018). *Cultural theory and popular culture: An introduction* (8th ed.). Routledge.